



PENGANJUR...AJK Color Run 2018 mengabadikan album kenangan.

UMS Color Run meriahkan sambutan Hari Malaysia

NST 26.9.2018 7

KOTA KINABALU: UMS Color Run 2018 yang berlangsung pada 22 September lalu menyaksikan penglibatan seramai hampir 600 orang peserta. Daripada jumlah tersebut, 80 peratus adalah merupakan orang awam yang datang dari sekitar UMS dan juga dari luar Kota Kinabalu.

Walaupun hanya melibatkan jarak yang dekat sahaja iaitu sejauh 5 kilometer tetapi para peserta begitu telah diuji stamina mereka kerana terpaksa menempuh cabaran laluan berbukit yang terdapat dalam kawasan UMS.

Color Run 2018 dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS (PSA) dengan sokongan Pusat Pengajian Pascasiswazah dan kerjasama Pusat Pengurusan EcoCampus UMS. Program ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Malaysia tahun 2018. Selain diisi dengan acara larian, program ini turut dimeriahkan lagi dengan acara simbolik penanaman pokok, cabutan tiket bertuah, dan percikan serbuk warna.

Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof Dr Hajah Arsiah Hj Bahron telah menyempurnakan Majlis

Perasmian menerusi gimik penanaman pokok sebelum acara pelepasan larian dilakukan.


Menurut Pengarah Program, saudara Mohd Norfadli dari PSA, keputusan untuk menggunakan serbuk warna dalam program sambutan Hari Malaysia 2018 adalah berkait dengan elemen rakyat Malaysia itu sendiri yang berasal dari kepelbagaiannya kaum dan etnik dengan adat dan kepercayaan agama yang berbeza.

Warna warni yang terhasil ini menjadikan baju putih yang dipakai oleh para peserta menjadi kelihatan lebih menarik bila terkena percikan warna yang merupakan gabungan warna yang terdapat pada Jalur Gemilang.

Larian sejauh 5 kilometer itu menyaksikan kategori lelaki telah dimenangi oleh Zulhajjia Alwi. Hasrin Herma mendapat tempat kedua. Manakala, Vilvin Alex mendapat tempat ketiga. Bagi kategori wanita pula, Darlina Matius memenangi tempat pertama. Liza Suriana Peter di tempat kedua, dan Mimi Udi di tempat ketiga.

Penasihat Program, Dr Jakarta Dasan yang juga merupakan Timbalan

Dekan (Kebajikan Pelajar) Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, berkata bahawa objektif utama program ini bukan sahaja untuk menggalakkan cara hidup sihat menerusi aktiviti sukan, tetapi juga ingin mewujudkan satu komuniti yang sentiasa hidup harmoni dan ceria sesama mereka.



BERTUAH...
Prof Dr
Hajah
Arsiah
menyampaikan hadiah
tiket
bertuah.